

# NewspaperSG

 We will be conducting system maintenance from Thursday 9 February 2023, 11pm to Friday 10 February 2023, 12am. Patrons may experience intermittent connectivity to NLB websites...

## Vietnam dipilih tempat uji tanding pasukan negara

BERITA HARIAN, 13 July 2005, Page 17

 Article also available on Microfilm Reel NL26330

[Printer-Friendly Page](#)

## Vietnam dipilih tempat uji tanding pasukan negara

**SILAT** oleh **Yusoff A. Rahman**

**KENAPA Vietnam?** Sebab, Vietnam adalah negara yang jaguh dalam sukan silat dan banyak yang boleh dimanfaatkan sekiranya pasukan Singapura mengadakan latihan di negara tersebut.

**Demikian jawapan Pe-**

ngarah Teknikal Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sheikh Alauddin Ya-coob, mengenai pemilihan Vietnam sebagai tempat uji tanding skuad negara.

**Selepas Indonesia, para pesilat Singapura akan mengadakan uji tanding di Vietnam dari 10 hingga 16 Ogos ini.**

tidak pernah mengadakan uji tanding di Vietnam sebelum ini. Biasanya, selain Indonesia, kami juga akan mengadakan latihan di Malaysia.

sukan ini.

“Mereka telah menguasai Kejohanan Dunia sebanyak dua kali, Sukan SEA juga dua kali. Begitu juga dengan Kejohanan Asia Pasifik,” kata Sheik.

Ini bermakna, jelasnya, para pesilat Singapura mempunyai banyak pilihan apabila ingin mengadakan uji tanding di sana. •

**“Memang benar, kami**

“Tetapi banyak manfaat yang boleh diraih oleh pesilat-pesilat negara. Seperti yang diketahui, Vietnam kini muncul sebagai negara yang unggul dalam

“Yang penting, para pesilat Singapura terutama sekali yang muda-muda berpeluang menentang pesilat-pesilat handalan Vietnam kerana negara itu mempunyai 3,000 pesilat elit dan ini secara langsung kami dapat mengukur kemampuan dan peluang para pesilat kami di Sukan SEA Manila nanti.

**“Tidak kurang pentingnya, kami juga berpeluang melihat sistem latihan yang dijalankan di Vietnam,” kata Sheik.**

Kepada pertanyaan tidakkah uji tanding di Vietnam akan memberi peluang kepada jurulatih negara itu meninjau kemampuan pesilat-pesilat negara?

apabila berada di Manila nanti,” jelas Sheik.

**“Kalau kami tidak pergi ke Vietnam, tahap persembahan pesilat kami tetap menjadi perhatian seperti lawatan kami ke Indonesia baru-baru.**

“Semasa di Jakarta, bukan tiada pegawai Indonesia yang memerhatikan aksi pesilat-pesilat kami. Tetapi kami boleh mengubah strategi perlawanan

Beliau juga memberitahu bahawa pihaknya telah menetapkan empat pingat emas sebagai sasaran di Sukan SEA nanti dengan tiga johan dunia, Yusoff Shah Khamarudin, Imran Abdul Rahman dan Saiedah Said, menjadi harapan negara.